



PERBADANAN LABUAN

Wisma Perbadanan Labuan, Peti Surat 81245, 87022 Wilayah Persekutuan Labuan Tel: 087- 408600/087-408601 Faks: 087-428997/087-419400/087-426803 Laman Web: www.pl.gov.my

SIARAN MEDIA

UNTUK LIPUTAN MEDIA MASSA

PELANTIKAN MAJLIS PERWAKILAN PENDUDUK WILAYAH PERSEKUTUAN (MPPWP) DAN MAJLIS PENGURUSAN KOMUNITI KAMPUNG (MPKK) PARLIMEN LABUAN PENERAJU PERUBAHAN MINDA KOMUNITI LABUAN

LABUAN, 14 Februari 2019 – YB Tuan Haji Khalid Abd Samad, Menteri Wilayah Persekutuan menyerahkan watakah pelantikan kepada 49 orang ahli Majlis Perwakilan Penduduk Wilayah Persekutuan (MPPWP) dan 351 orang ahli Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) baharu bagi parlimen Labuan hari ini. Pelantikan bagi MPPWP melibatkan 1 Pengerusi Zon, 3 Pengerusi Sub Zon, 48 ahli manakala MPKK pula terdiri daripada 27 Pengerusi, 27 Setiausaha dan 297 ahli.

Ahli-ahli MPPWP dan MPKK yang baharu dilantik ini perlu memainkan peranan dalam menerajui perubahan minda masyarakat warga Labuan khususnya supaya menerima dan menyokong usaha-usaha pembaharuan serta penambahbaikan yang dibawa oleh Kerajaan secara positif. Ini bertujuan untuk merencanakan kembali sektor ekonomi Labuan yang terjejas akibat kejatuhan industri minyak dan gas yang menjadi teras pendapatan utama Wilayah Persekutuan Labuan sebelum ini. Oleh itu, Kerajaan sedang rancak melaksanakan kepelbagaian sumber ekonomi yang boleh memberi pulangan yang lumayan supaya komuniti Labuan dapat mara semula ke hadapan setanding dengan negeri lain.

MPPWP dan MPKK juga berfungsi sebagai penghubung di antara Kerajaan dan rakyat dalam merancang dan melaksanakan program dan aktiviti kesejahteraan bandar secara sistematik selaras dengan dasar-dasar yang ditetapkan oleh Kerajaan. Mereka perlu menyalurkan maklumat, maklum balas, aduan, masalah, permintaan atau keperluan penduduk kepada Kementerian dan Agensi untuk mencari jalan penyelesaian terbaik.

MPPWP dan MPKK yang baharu ini perlu sentiasa bekerjasama dan berganding bahu dengan Kementerian serta melaksanakan tugas dengan penuh dedikasi dan berintegriti supaya dapat merealisasikan semua perancangan bagi meningkatkan sosio ekonomi warga Wilayah Persekutuan Labuan.

Disediakan oleh:

Jabatan Hal Ehwal Korporat
Perbadanan Labuan
14 Februari 2019